

NO. SOALAN: 62

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB DATO HAJI MOHD ZAIM BIN ABU HASAN
[PARIT]**

SOALAN :

YB Dato Haji Mohd Zaim Bin Abu Hasan [Parit] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan:

- a. pernahkah Kementerian mengiktiraf ketum sebagai bahan ubatan; dan
- b. adakah Kementerian bersetuju dengan cadangan menyenaraikan ketum sebagai dadah berbahaya.

Tuan Yang di-Pertua,

Merujuk kepada peruntukan undang-undang semasa di bawah Akta Racun 1952, mitragynine iaitu alkaloid yang paling aktif dan bersifat psikoaktif yang terdapat di dalam air rebusan daun ketum disenaraikan sebagai bahan psikotropik di bawah Jadual Ketiga, Akta Racun 1952 dan merupakan racun Kumpulan A di bawah Jadual Pertama Akta yang sama. Sesuatu racun dikelaskan di bawah kumpulan A jika ia mempunyai kesan-kesan sangat toksik atau berbahaya sehingga ia tidak sesuai digunakan sebagai ubat walaupun ia mungkin mempunyai sifat ubat.

Walaupun umum mengetahui daun ketum digunakan secara turun-temurun dalam perubatan tradisional, antaranya sebagai minuman pemulih tenaga bagi wanita yang baru lepas bersalin, rawatan mengeluarkan angin dalam badan dan merawat sakit belakang, namun ia berasaskan maklumat tradisi semata-mata dan sehingga kini tiada kajian secara klinikal dijalankan dan terdapat banyak keluaran alternatif lain yang boleh digunakan untuk tujuan rawatan tersebut.

Sebagaimana sedia maklum, semua keluaran farmaseutikal perlu berdaftar dengan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah untuk digunakan atau dijual di dalam Malaysia dan keluaran akan didaftarkan setelah memenuhi semua kriteria yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Kawalan Dadah, terutamanya dari aspek keselamatan, keberkesan dan kualiti.

Sehingga kini, tiada keluaran ketum yang berdaftar dengan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah, oleh itu, Kementerian ini tidak mengiktiraf penggunaan ketum sebagai ubat.

Tuan Yang Di-Pertua,

Kawalan pokok dan daun ketum di bawah Akta Racun 1952 adalah terbatas kerana peruntukan undang-undang ini yang terhad terhadap air rebusan daun ketum yang mengandungi mitragynine sahaja yang menyebabkan tindakan penguatkuasaan kurang berkesan oleh Polis Diraja Malaysia yang mengambil alih tugas penguatkuasaan daripada Bahagian Perkhidmatan Farmasi, Kementerian Kesihatan Malaysia sejak 2008.

Cadangan pindaan menyenaraikan ketum sebagai dadah berbahaya di bawah Jadual Pertama Akta Dadah Berbahaya 1952 akan memperuntukkan kuasa kepada Polis Diraja Malaysia dan Kastam Diraja Malaysia untuk mengambil tindakan penguatkuasaan yang lebih berkesan terhadap kegiatan tidak sah (illicit) dari segi operasi, tangkapan, siasatan dan pendakwaan melibatkan ketum, manakala Bahagian Perkhidmatan Farmasi, Kementerian Kesihatan Malaysia hanya akan mengawal tujuan sah dari segi permohonan kebenaran import/ eksport/ transit.

Sehubungan itu, Kementerian ini bersetuju dengan cadangan menyenaraikan ketum sebagai dadah berbahaya bagi mempertingkatkan kawalan terhadap penyalahgunaan pokok dan daun ketum.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, cadangan pindaan Akta Dadah Berbahaya 1952 telah dikemukakan kepada Pejabat Peguam Negara.